

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN LIM LIP ENG [SEGAMPUT]**

**TARIKH : 10 JUN 2014**

**RUJUKAN : 6826**

**SOALAN:**

**Tuan Lim Lip Eng [ Segambut ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah laporan polis dibuat terhadap Presiden Ikatan Muslim Malaysia (ISMA) susulan kenyataannya berhubung kaum Cina yang di bawa ke Tanah Melayu adalah "penceroboh" dan kaedah-kaedah Kerajaan menghalang kenyataan-kenyataan yang menggalakkan perasaan niat jahat dan permusuhan antara kaum.

## **JAWAPAN:**

**Tuan Yang DiPertua**

**Kerajaan memandang serius sebarang tindakan yang dilakukan oleh mana-mana individu, kumpulan atau pertubuhan yang mengeluarkan kenyataan melampau bertujuan mencetuskan ketegangan serta perbalahan di antara kaum dan agama tanpa mengambil kira sensitiviti rakyat negara ini. Sehingga 29 Mei 2014 sebanyak 42 laporan polis telah diterima berhubung kenyataan Presiden ISMA. Lanjutan daripada laporan polis yang diterima, kertas siasatan telah dibuka untuk siasatan lanjut di bawah Akta Hasutan 1948. Walaubagaimanapun, buat masa ini saya tidak bercadang untuk mendedahkan secara terperinci status penyiasatan dan tindakan yang telah diambil memandangkan perkara ini masih di dalam siasatan pihak PDRM dengan kerjasama agensi-agensi Kerajaan yang lain seperti Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM).**

**Undang-undang sedia ada sudah mencukupi dalam menangani apa jua isu yang dibangkitkan yang cuba mengganggu gugat keselamatan dan ketenteraman awam. Pendirian Kerajaan adalah jelas di mana tindakan tegas akan diambil di bawah undang-undang sedia ada termasuk Akta Hasutan 1948 terhadap mereka yang terlibat sekiranya terbukti bersalah. Di dalam hal ini, Kementerian Dalam Negeri melalui Polis Diraja Malaysia (PDRM) tidak pernah mengamalkan "*double standard*" dengan izin Yang Dipertua, di dalam mengambil tindakan terhadap mana-mana individu, kumpulan ataupun pertubuhan-pertubuhan sepertimana yang dibangkitkan melalui pertanyaan Ahli Yang Berhormat Segambut di dalam**

**Dewan Yang Mulia ini. Namun begitu, setiap siasatan oleh pihak Polis adalah berdasarkan kepada laporan polis. Manakala untuk pendakwaan pula akan dijalankan oleh Timbalan Pendakwa Raya sekiranya siasatan mendapati perbuatan tersebut terbukti benar-benar melanggar undang-undang sedia ada.**

**Bagi meningkatkan perpaduan kaum di negara ini, kempen-kempen kesedaran dan ceramah-ceramah berhubung keselamatan dan ketenteraman awam telah dan sedang dianjurkan oleh pihak berkuasa terutama PDRM sendiri dengan kerjasama lain-lain agensi. Kempen-kempen dan ceramah-ceramah ini bertujuan menerangkan tentang bahayanya akibat perbalahan antara kaum dan agama.**

**Di sini saya ingin menyeru agar semua pihak menjauhkan diri daripada terlibat dengan kegiatan-kegiatan seumpama ini demi menjaga keselamatan dan memelihara keharmonian yang dikecapi selama ini.**